

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI

KAWASAN : DUNGUN

TARIKH : 27 OKTOBER 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah tindakan penyelesaian kemendapan tanah sambungan kepada jalan dengan kepala jambatan di Laluan 145 Seksyen 1 KM3 Jambatan Sungai Ruang dan KM4 Jambatan Sungai Teluk Kalung Jalan Chukai - Dungun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Jalan Persekutuan 145 (FT145) telah dibina pada tahun 1995 dan siap pada tahun 1997. Jalan sepanjang 11km ini melibatkan laluan dari jambatan Bukit Kuang hingga ke persimpangan Kijal Lama. Terdapat 32 pembetung dan 2 jambatan dibina di sepanjang laluan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lokasi jalan FT145 yang sering berlaku mendapan ini melibatkan laluan sepanjang 2.5km dari Jambatan Sungai Ruang/Sg. Telok Kalong ke seksyen 5.0. Di sepanjang laluan tersebut, terdapat 4 unit pembetung yang dikenal pasti terlibat dengan pemendapan jalan. Berdasarkan siasatan pihak JKR, punca pemendapan jalan tersebut disebabkan oleh faktor struktur tanah di kawasan berkenaan yang terdiri daripada jenis tanah gambut (peat soil). Rawatan tanah gambut ini kebiasaannya melibatkan kos yang sangat tinggi, termasuk memerlukan pemasangan cerucuk (pile) di lapisan dasar tanah bagi tujuan mengukuhkan struktur tanah.

Untuk tempoh jangka pendek, kementerian ini akan meningkatkan aspek selenggaraan di kawasan berkenaan, iaitu dengan menurap semula dan meninggikan aras jalan menerusi kaedah 'regulating'. Manakala untuk jangka panjang pula, pihak JKR menerusi cawangan pakar yang terlibat kini sedang menjalankan kajian terperinci dan seterusnya akan mencadangkan kaedah

pembaikan yang lebih efektif bagi mengatasi masalah kemendapan ini.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
KAWASAN : PULAI
TARIKH : 27 OKTOBER 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status serta fungsi Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL) di Johor Bahru, sama ada ia akan dikenakan tol atau dikecualikan tol selepas kadar tol Tambak Johor dinaikkan baru-baru ini serta apakah rasional kenaikan kadar tol Tambak Johor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Lebuh Raya Eastern Dispersal Link (EDL), Johor Baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas pada 1 April 2012. Lebuh Raya EDL ini berfungsi untuk menyuraikan masalah kesesakan trafik di Jalan Tebrau, Jalan Pandan dan Jalan Skudai di mana ia memberi kemudahan laluan terus ke Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar tanpa perlu lagi memasuki jalan-jalan utama di pusat bandar Johor Bahru.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menguatkuaskan kadar tol di Lebuh Raya EDL pada 1 Ogos 2014. Rasional penetapan kadar tol ini ialah untuk menampung kos pembinaan dan penyelenggaraan Lebuh Raya EDL. Penetapan kadar tol ini tidak melibatkan kadar tol sedia ada di Tambak Johor di mana kadar tol di Tambak Johor masih lagi kekal mengikut kadar semasa. Walau bagaimanapun bagi mengelakkan pengguna daripada terpaksa berhenti 2 kali, kadar tol bagi Lebuh Raya EDL ini dikutip secara bersekali di Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar.

Ia juga bertujuan untuk mengelakkan berlaku masalah kesesakan di Tambak Johor. Kadar tol tidak dikenakan kepada kenderaan yang menggunakan EDL tanpa melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar untuk ke/dari Singapura.

Mengenai impak penetapan kadar tol EDL tersebut, kementerian ini berpandangan perkara ini memerlukan kajian yang lebih lanjut memandangkan kadar tol tersebut baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2014 dan ia akan mengambil masa untuk tujuan pengumpulan data menerusi kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, termasuk Kementerian Pengangkutan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Kerajaan Negeri Johor.

Sekian. Terima kasih.